

14/08/1999

PM anggap pemimpin Pas hipokrit

M Noh Senan; Ziauddin Sharuddin

BANDAR BARU SERTING, Jumaat - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyifatkan pemimpin Pas sebagai hipokrit kerana menyebarkan ajaran yang bercanggah dengan Islam termasuk melakukan pembohongan dan memecah-belahkan perpaduan umat.

Menganggap perbuatan itu adalah munafik, Perdana Menteri berkata, mereka mempunyai rancangan jangka panjang untuk terus mendapat sokongan dengan meminta penyokong anak-anak sekolah agama rakyat milik Pas.

"Anehnya, sementara pemimpin Pas menyuruh penyokong menghantar anak mereka ke sekolah agama rakyat milik parti itu, anak mereka sendiri pergi ke sekolah kerajaan yang mempunyai pelbagai kemudahan lebih baik," katanya.

Beliau menegaskan demikian ketika berucap merasmikan Sekolah Menengah Kebangsaan Bestari Bandar Baru Serting, di sini hari ini.

Ia adalah sekolah bestari pertama di rancangan tanah Felda di negara ini.

Hadir sama ialah Menteri Besar, Tan Sri Mohamed Isa Abdul Samad, Menteri Pendidikan, Datuk Seri Najib Tun Razak dan Menteri Penerangan Tan Sri Khalil Yaakob.

Dr Mahathir, yang menolak dakwaan Pas kononnya ilmu yang diajar di sekolah kerajaan adalah sekular berkata, ia adalah ilmu yang dikehendaki oleh Islam sebagai fardu kifayah bagi melindungi agama dan umat Islam daripada serangan musuh.

"Jangan sesiapa berkata bahawa sekolah bestari ini tidak perlu kerana ajarannya adalah sekular. Ia bukan ajaran sekular, ia adalah ajaran yang diperlukan untuk umat Islam mempertahankan agama Islam, negara Islam dan umat Islam sendiri.

"Umat Islam perlu menguasai ilmu dalam bidang matematik, sains, teknologi dan sebagainya ke arah meningkatkan keupayaan umpamanya bagi mencipta senjata moden bagi mempertahankan agama dan ummah," katanya.

Beliau berkata, jika Pas mendakwa ilmu itu adalah sekular, ia bermakna parti itu mahu umat Islam selalu tunduk kepada musuh dan tidak berupaya menahan diri daripada dijajah.

Perdana Menteri turut mengingatkan peneroka Felda supaya berterima kasih kepada kerajaan kerana mendapat nikmat dan faedah daripada projek rancangan tanah itu.

"Peneroka Felda tidak harus terpedaya dengan hasutan Pas untuk menentang kerajaan. Hasutan supaya peneroka mereka tidak harus berterima kasih kepada kerajaan bukan ajaran Islam," katanya.

Beliau berkata, peneroka Felda perlu bersyukur kerana mereka diberikan tanah yang dibekalkan dengan pelbagai kemudahan seperti jalan, sekolah, air dan elektrik.

Mengenai sekolah berkenaan yang dijadikan Sekolah Bistari di rancangan tanah negeri ini, Dr Mahathir berkata ia menyediakan pelbagai kemudahan menimba ilmu untuk anak-anak.

"Sekolah ini menyediakan pembelajaran bidang teknologi maklumat, kejuruteraan dan asas perubatan. Semua ini penting bagi umat Islam seperti yang dituntut oleh agama," katanya.

(END)